

MySAFE Langkawi



GELEMBUNG HIJAU PELANCONGAN

MySAFE Langkawi adalah program pensijilan sukarela yang memberi peluang kepada segmen perniagaan tertentu seperti penginapan, makanan & minuman, peruncitan dan pelancongan yang dibenarkan beroperasi semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk diperakukan bahawa mereka komited dalam pematuhan SOP COVID-19 dan protokol Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia

MEMASTIKAN PREMIS AKUR, PATUH DAN AMAL SOP COVID-19 DEMI KEBAJIKAN PELANGGAN DAN PEKERJA

Sebagai kesediaan untuk membuka semula perniagaan, MySAFE Langkawi adalah pelengkap kepada premis tersebut dalam membina keyakinan pelanggan dan memastikan keselamatan pekerja. Kriteria penilaian MySAFE Langkawi adalah bersifat menyeluruh dimana ianya termasuk kawalan risiko, kebersihan dan sanitasi, langkah-langkah pencegahan dan komitmen premis untuk akur, patuh dan amal SOP COVID-19 yang menjadi asas kepada pensijilan ini


PENSIJILAN MySAFE LANGKAWI ADALAH DIBUKA KEPADA PERMOHONAN DARI SEGMENT-SEGMENT PERNIAGAAN SEPERTI :



HOTEL & RESORT



PENGINAPAN



PREMIS MAKANAN DAN MINUMAN



TRAVEL & TOURS



PRODUK PELANCONGAN



PREMIS PERUNCITAN

SYARAT PERMOHONAN



PREMIS TETAP YANG SAH



PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM)



LESEN DARIPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)



MEMPUNYAI SIJIL COVID-19 Education & Risk Assessment Course (CERIA)



BERDAFTAR DENGAN APLIKASI MySejahtera



PREMIS HENDAKLAH DI DALAM SEGMENT PENSIJILAN YANG DITAWARKAN

PENSIJILAN INI MEMASTIKAN PREMIS PERNIAGAAN UNTUK AKUR, PATUH DAN AMAL SOP COVID-19 YANG TELAH DIKELUARKAN DISAMPING MENJAGA KEPERLUAN KESIHATAN KOMUNITI SEMASA PERNIAGAAN DIJALANKAN





KEPERLUAN UMUM PENSIJILAN

- ✓ SARINGAN COVID-19
- ✓ PENJARAKAN FIZIKAL
- ✓ PEMBERSIHAN DAN SANITASI
- ✓ PEMAKAIAN PERSONAL PROTECTION EQUIPMENT (PPE)
- ✓ NOTIS PERINGATAN BERKENAAN COVID-19
- ✓ SISTEM BAYAR TANPA SENTUH (CONTACTLESS PAYMENT SYSTEM)
- ✓ LATIHAN
- ✓ SISTEM KAWALAN COVID-19 DALAMAN (INTERNAL COVID-19 CONTROL SYSTEM - ICCS)
- ✓ STATUS KESIHATAN PEKERJA

PANDUAN PERMOHONAN

- 1 PERMOHONAN PENDAFTARAN**
Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di www.lada.gov.my. Lengkapkan borang permohonan 'online'. Muat turun senarai semak kriteria Penilaian Kendiri Premis (Premise Self Assessment). Muat naik penilaian sendiri beserta dokumen sokongan yang diperlukan.
- 2 PEMAKLUMAN**
Satu pemakluman berkenaan pengauditan lapangan dikeluarkan
- 3 PENGAUDITAN**
Audit lapangan dilaksanakan di premis. Dapatan audit akan dinilai untuk kelulusan permohonan pensijilan
- 4 PENGELUARAN SIJIL MySAFE LANGKAWI**
Sijil MySAFE LANGKAWI akan dikeluarkan dalam masa **TIGA (3) HARI** dari tarikh kelulusan. Tempoh sah laku sijil adalah selama **SATU (1) TAHUN**
- 5 PEMATUHAN BERTERUSAN**
Pemantauan secara berkala, susulan dan luar jangka akan dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan pensijilan dipatuhi

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
04-9600600 atau email shajiddeen@lada.gov.my / hasniza@lada.gov.my
Bahagian Pelancongan
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

